



**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG  
KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2026**

1. **KUALA LUMPUR, 7 Mei 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah menyempurnakan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2026 kepada 404 anggota tentera dan penjawat awam Kementerian Pertahanan di Grand Ballroom Royale Chulan, Kuala Lumpur, hari ini.
2. Bagi menghargai sumbangan dan penghargaan kepada warganya, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menganugerahkan APC dan Pingat PPT Tahun 2026 kepada **871 warga awam, 9,467 warga ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan (Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia)** dan 172 orang pesara menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai **10,511 orang**.
3. **Penerima APC** menerima anugerah berupa **Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai bernilai RM 1,000.00** manakala **Pesara Awam** yang bersara wajib akan menerima Pingat PPT, Sijil Penghargaan serta wang tunai berjumlah RM 600.00 dan **Pesara Awam** yang bersara pilihan hanya akan menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai bernilai RM 600.00.
4. Hadir sama adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim bin Ali, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri (Dr.) Zulhelmy bin Ithnain, Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris, Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad serta warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
7 Mei 2026**

## HELAIAN FAKTA TAMBAHAN

### 1. Senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang Tahun 2025:

Bil	Bahagian / Jabatan	Jumlah Penerima (orang)
1.	Penerima APC Awam Di Bahagian Wisma Pertahanan	162
2.	Penerima APC Awam Di Unit-unit Tentera	149
3.	Pesara : Penerima Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang & Pesara Pilihan	48
4.	Penerima AKC Tentera Tiga Perkhidmatan	45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>404</b>

### 2. Pecahan mengikut perkhidmatan:

<b>PENERIMA APC PENJAWAT AWAM KEMENTERIAN</b>	
<b>Perkhidmatan</b>	<b>Bilangan (orang)</b>
Bahagian Wisma Pertahanan	311
Markas/Briged/Sabah/Sarawak/Unit-Unit Tentera	560
<b>Jumlah</b>	<b>871</b>
<b>PENERIMA APC ANGKATAN TENTERA MALAYSIA</b>	
<b>Perkhidmatan</b>	<b>Bilangan (orang)</b>
Tentera Darat Malaysia	6,846
Tentera Laut Diraja Malaysia	1,461
Tentera Udara Diraja Malaysia	1,160
<b>Jumlah</b>	<b>9,467</b>
<b>PENERIMA PESARA</b>	
<b>Pesara</b>	<b>Bilangan (orang)</b>
Wajib	105
Pilihan	67
<b>Jumlah</b>	<b>172</b>